



# KHABAR PERBANDARAN



NASKAH PERCUMA

edisi JUN-Ogos 2015

[www.mpkluang.gov.my](http://www.mpkluang.gov.my)



KIK V-TEAM MPK  
TERIMA ANUGERAH  
EMAS

	<b>KANDUNGAN</b>	<b>Muka Surat</b>
<u>SEKAPUR SIREH</u>		3
<u>KONVENSYEN KIK/ V-TEAM TERIMA ANUGERAH EMAS</u>		4
<u>JAMUAN HARI RAYA MPK</u>		5
<u>KURSUS CDERT/ AKTIVITI SUPRIMA</u>		6
<u>KLUANG DILANDA RIBUT</u>		7
<u>LAWATAN YDP KE PONDOK PENGAWAL</u>		8
<u>MAJLIS TADARUS AL-QURAN MPK 1436H/2015</u>		9
<u>SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2015/ MALAM AMBANG MERDEKA 2015</u>		10
<u>LAWATAN KE RUMAH MANGSA KEBAKARAN</u>		11
<u>MAJLIS PELANCARAN JOHOR FREE WiFi</u>		12
<u>KURSUS PENGENDALIAN MAKANAN/ UPTOWN KLUANG</u>		13
<u>GOTONG-ROYONG KHIDMAT MASYARAKAT</u>		14
<u>PERHIMPUNAN PAGI OGOS 2015</u>		15
<u>GOTONG ROYONG PENDUDUK ZON INTAN DAN SRI LALANG</u>		16
<u>PROGRAM 3K</u>		17
<u>SEPINTAS LALU 2015</u>		18
<u>MAJLIS PERPISAHAN MANTAN YDP</u>		19
<u>INFO KESIHATAN</u>		20

**Anda yang berminat menyumbang pendapat atau karya, sila berhubung dengan:**



[www.mpkluang.gov.my](http://www.mpkluang.gov.my)

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
MAJLIS PERBANDARAN KLUANG  
JALAN KOTA TINGGI  
86000, KLUANG  
JOHOR DARUL TAKZIM  
TEL.: 07- 777 1401/ 1475  
FAKS: 07- 7713209  
WHATSAPP : 018-7730500

#### **SIDANG REDAKSI**

Penaung  
Tuan Haji Ismail Bin Abu.  
Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kluang

Penasihat  
Encik Mohamad Radif Bin Hj Kosnin  
Setiausaha Majlis Perbandaran Kluang

Ketua Editor  
Encik Mohd Nor Faizal Bin Samad

Editor  
Cik Lok Li Seah  
Puan Farahana Ahmat

Jurufoto  
Encik Mohd Roslan Bin Nasir


Pengedaran  
Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Perbandaran Kluang

# SEKAPUR SIRIH



Syukur Alhamdulillah dengan izin-Nya KHABAR PERBANDARAN MPKLU-ANG dapat diterbitkan buat kali pertama bagi tahun 2015. Dalam merealisasikan hasrat untuk menjadikan negeri Johor sebagai sebuah negeri yang maju, Pihak Berkuasa Tempatan tidak terlepas dari tanggungjawab ini. Majlis Perbandaran Kluang sebagai PBT dan agensi penggerak bagi pembangunan di Daerah Kluang, sentiasa berusaha memastikan usaha-usaha pembangunan dalam daerah Kluang samada yang dilaksanakan oleh MPK sendiri mahupun secara penswastaan dapat dilaksanakan dengan lancar demi memberi manfaat kepada seluruh penduduk Daerah Kluang.

Bagi memastikan usaha-usaha pembangunan ini tercapai, perkhidmatan kepada pelanggan merupakan fokus utama MPK. Dengan ini jabatan akan terus sedaya upaya memperkasa keupayaan pentadbiran dari aspek internal hingga eksternal.

 Selaku Yang DiPertua MPK, hasrat dan keinginan melihat pencapaian yang berterusan ini haruslah didasari dengan komitmen jitu oleh seluruh warga MPK. Dengan harapan dan usaha yang berterusan, pihak jabatan akan terus menyahut seruan kerajaan sekaligus menepati gagasan ‘Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan’.

Akhir kata, dengan penerbitan buletin ini, diharapkan juga segala aktiviti jabatan dapat dikongsi bersama bagi tatapan dan maklumat yang berguna kepada semua pembaca.

Sekian. Terima Kasih.

# KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN KLUANG KALI PERTAMA TAHUN 2015

Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) peringkat Majlis Perbadaran Kluang kali pertama 2015 telah diadakan pada 15 Jun 2015 bertempat di Prime City Kluang. Konvensyen yang julung-julung kali diadakan oleh MPKluang ini telah disertai oleh 8 jabatan dalaman Majlis Perbandaran Kluang. Terdapat 2 kategori yang dipertandingkan iaitu Kategori Pengurusan dan Kategori Teknikal. Bagi Kategori Pengurusan, Kumpulan KIK V-Team daripada Jabatan Penilaian Harta telah mendapat tempat pertama diikuti Kumpulan Inspirasi dan Kumpulan Optimis masing-masing kedua dan ketiga. Bagi Kategori Teknikal dimenangi oleh Jabatan Kejuruteraan. Kesemua pemenang akan mewakili Majlis Perbandaran Kluang ke Konvensyen KIK Peringkat Negeri Johor yang dijadualkan berlangsung pada pertengahan Bulan November 2015. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemenang.



## PASUKAN KIK V-TEAM MPK MENERIMA ANUGERAH EMAS DI KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE 2015 WILAYAH SELATAN

Pasukan KIK V-Team telah mengharumkan nama MPKluang apabila membawa pulang Anugerah Emas di Konvensyen TEAM EXCELLENCE 2015 WILAYAH SELATAN yang diadakan pada

13 Ogos 2015 bertempat di Ramada Hotel Plaza Melaka. Syabas dan Tahniah diucapkan. Semoga Anugerah ini akan memberi dorongan dan semangat sempena Konvensyen KIK Peringkat Negeri Johor akan datang



# JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI 1437H/ 2015

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Majlis Perbandaran Kluang telah diadakan pada 10 Ogos 2015 bertempat di Kediaman Rasmi Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kluang. Acara sambutan yang sederhana tetapi meriah ini telah dihadiri oleh seluruh anggota kerja Majlis Perbandaran Kluang dan juga tetamu-tetamu terdiri daripada Ketua-Ketua Jabatan Daerah Kluang. Selain daripada Sambutan Hari Raya tersebut, majlis juga dimeriahkan dengan penyerahan sijil pengesahan jawatan kepada 10 orang anggota kakitangan Majlis Perbandaran Kluang.

Pada malam itu juga, majlis meraikan persaraan anggota kerja Majlis Perbandaran Kluang, iaitu En Hassan Bin Othman telah diadakan. Beliau yang telah berkhidmat lebih 30 tahun telah diraikan dengan acara pemotongan kek sempena hari lahir beliau. Sesungguhnya persaraan beliau telah memberikan kesan kepada Majlis Perbandaran Kluang kerana beliau merupakan antara anggota kerja yang berpengalaman didalam Jabatan Bangunan. Selain daripada itu juga, pada malam tersebut Jabatan Kewangan, Unit Undang-Undang dan Unit Komunikasi Korporat telah berjaya mendapat tempat pertama didalam Pertandingan Hiasan gerai terbaik.



# KURSUS CIVIL DEFENCE EMERGENCY RESPONSE TEAM ( CDERT) KEPADA AHLI SUPRIMA MPK OLEH JPAM



Majlis Perbandaran Kluang dengan kerjasama Jabatan Pertahanan Awam Daerah Kluang telah mengadakan Kursus Civil Defence Emergency Response Team (CDERT) kepada anggota kerja Majlis Perbandaran Kluang. Seramai 100 orang anggota telah diberikan latihan selama 3 hari. Antara latihan yang diberikan ialah cara-cara memberikan rawatan pantas sekiranya berlaku kecemasan seperti lemas dan kemalangan. Kursus

ini merupakan pendedahan awal kepada pasukan Sukarelawan Prihatin Masyarakat (SUPRIMA) MPK bagi membantu masyarakat sekiranya berlaku bencana banjir dan sebagainya didalam Daerah Kluang.

## AKTIVITI PASUKAN SUKARELAWAN PRIHATIN MASYARAKAT (SUPRIMA MPK)



Aktiviti-aktiviti pasukan SUPRIMA MPK dalam kawasan pentadbiran MPKLuang. Antaranya mengecat pejalan kaki, membersihkan kawasan perkuburan dan kerja-kerja baik pulih rumah mangsa kebakaran di Taman Delima dan Intan.

# KLUANG DILANDA RIBUT

Sebanyak 314 keluarga daripada 8 perumahan terjejas akibat bencana ribut yang melanda Daerah Kluang pada 2 Jun 2015 yang lalu. antara taman yang terlibat ialah Taman Indah Jaya 1 dan 2, Taman Ko-Rakyat, Taman Matahari, Taman Dato' Amar DiRaja, Taman Sri Paya, Taman Ilham dan Taman Bertuah. Kejadian tersebut yang berlaku kira-kira 15 minit sehingga 20 minit telah menyebabkan kerugian berjumlah RM2.04 Juta.



Bantuan bagi kerja-kerja pembersihan telah diberikan oleh Bomba, JPAM, Rela, NGO dan juga PBT didalam Negeri Johor iaitu MD Yong Peng, MB Johor Bahru dan MP Kulai. Berikutnya dengan bencana tersebut, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1.349 Juta kepada semua mangsa yang terlibat. Bantuan telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri, Yayasan Perbandaran Kluang, Majlis Keselamatan Negara dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Majlis Agama Islam Negeri Johor juga telah memberikan bantuan sebanyak RM 600 Ribu bagi kerja-kerja baikpulih rumah mangsa yang beragama Islam. Semua bantuan telah disampaikan oleh YB Md Jais Bin Sarday, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi Negeri Johor.



## LAWATAN TUAN YDP KE PONDOK PENGAWAL MPK



Lawatan dan sumbangan kuih raya ke beberapa pos pengawal keselamatan MPK sekitar Kluang ini adalah inisiatif YDP Tuan Haji Ismail bin Abu bersama Ketua-ketua Jabatan/ Bahagian. Lawatan ini bukan sahaja dapat melihat sendiri masalah-masalah yang terdapat di pos-pos keselamatan malah dapat mengeratkan lagi hubungan baik antara majikan dan pekerja awam MPK. Lawatan ini bermula selepas solat terawih dan tamat pada jam 1 pagi.



# رمضان تادارس ماجlis

1436هـ / 2015



Majlis Tadarus Al-Quran peringkat Majlis Perbandaran Kluang telah diadakan sempena bulan Ramadhan yang lepas. Program tersebut telah diadakan di Dewan Tunku Ibrahim Ismail. Selain daripada program bacaan Al-Quran, pemberian bantuan hari raya juga telah diberikan kepada pesara-pesara Majlis Perbandaran Kluang yang tidak berkemampuan. Program tersebut disudahi dengan tazkirah oleh Ustaz Taufik, jemputan khas pada Majlis Tadarus tersebut.

# SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2015 PERINGKAT DAERAH KLUANG



Sambutan Hari Kebangsaan 2015 Peringkat Daerah Kluang telah diadakan pada 31 Ogos 2015 bertempat di Jalan Rambutan Kluang. Sambutan dimulai dengan perarakkan masuk Kontijen Perbarisan disusuli dengan Bacaan Ikrar, Deklamasi Sajak dan Persembahan Kebudayaan. Pada hari tersebut Majlis Perbandaran Kluang telah berjaya mendapat Johan bagi Kategori Sepanduk dan Ketiga bagi pakaian tercantik. Majlis tersebut juga dihadiri oleh Y.B Puan Hajah Asiah Bte Md Ariff selaku Wakil Rasmi Menteri Besar Johor.

## SAMBUTAN MALAM AMBANG KEMERDEKAAN 2015



Sambutan Malam Ambang Kemerdekaan Peringkat Daerah Kluang telah diadakan pada malam 30 Ogos 2015 bertempat di Dataran Tasik, Majlis Perbandaran Kluang. Antara pengisian acara pada malam tersebut adalah persembahan kebudayaan 3 Kaum, Deklamasi Sajak, Persembahan Koir dan juga perarakkan membawa masuk Bendera Malaysia. Hadir sama semasa sambutan tersebut ialah Y.B Puan Hajah Asiah Bte Md Ariff, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor selaku wakil rasmi YAB Menteri Besar Johor. Sambutan tersebut diakhiri dengan nyanyian lagu patriotik, lagu Negaraku dan persembahan bunga api.

# LAWATAN KE RUMAH MANGSA KEBAKARAN DI TAMAN DELIMA DAN TAMAN INTAN

Tuan Yang DiPertua, Tuan Haji Ismail Bin Abu bersama-sama Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan MPK telah melawat rumah mangsa kebakaran di Taman Intan dan Taman Delima. Lawatan tersebut adalah bertujuan untuk memberikan bantuan kepada mangsa yang terlibat. Selain melihat kerosakan rumah, pasukan SUPRIMA MPK juga telah memberikan bantuan seperti mengecat semula dan bantuan membaiki kerosakan yang berlaku akibat kebakaran tersebut.

Bantuan kewangan juga diberikan oleh Yayasan Perbandaran Kluang bagi meringankan beban mangsa yang terlibat. Diharapkan dengan lawatan dan bantuan yang diberikan ia akan memberikan semangat dan dorongan kepada mangsa yang terlibat. Semoga semua mangsa tabah menghadapi dugaan yang diterima.



# MAJLIS PELANCARAN “JOHOR FREE WiFi”



Rakyat Negeri Johor akan menikmati perkhidmatan WiFi percuma di beberapa lokasi mulai Januari 2016. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 12.9 Juta bagi menyediakan sebanyak 135 hotspot WiFi percuma yang akan dipasang secara berperingkat. Majlis Pelancaran “Johor Free WiFi” di Kluang telah dilancarkan oleh Y.B Puan hajah Asiah Bte Md Ariff, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor yang merupakan wakil Rasmi Y.A.B Menteri Besar Johor.

Inisiatif pemasangan WiFi percuma ini merupakan hasil daripada Kajian Pelan Suara Hati Negeri Johor yang dilakukan pada tahun 2013. Di dalam kawasan pentadbiran MPKluang terdapat 5 tempat hotspot yang akan disediakan iaitu di Gunung Lambak, Perhentian Bas dan Teksi Kluang, Persiaran Ismail Hassan, Taman Merdeka dan Dewan Tunku Ibrahim Ismail Kluang. Diharapkan dengan adanya kemudahan ini, ia akan dapat digunakan sebaiknya oleh semua penduduk Daerah Kluang.



**INFO JOHOR PRO RAKYAT**

**Satu Lagi Inisiatif**

**Johor** **Free WiFi**

**WIFI PERCUMA UNTUK RAKYAT**

**Pelancaran ‘Johor Free WiFi’**

**30 OGOS 2015**

**DATARAN TASIK, KLUANG**

**10.30 MALAM**

**MERAKYATKAN KERAJAN PEMBANGUNAN PRO-RAKYAT**

## KURSUS PENGENDALIAN MAKANAN MPK

Kursus Pengedalian Makanan MPK telah dijalankan pada 24 Ogos 2015 bertempat di bilik Seminar Dewan Tunku Ibrahim Ismail, Jalan Mengkibol, Kluang. Seramai 45 orang peserta telah mengambil bahagian didalam kursus ini. Kursus ini terbahagi kepada 2 sesi iaitu sesi pagi bermula pada jam 8.00 pagi dan tamat pada jam 12.30 tengah hari manakala sesi petang bermula pada jam 2.00 petang dan tamat pada jam 5.00 petang.

Kursus Pengendalian Makanan ini adalah wajib kepada semua peniaga-peniaga premis makanan bagi memberi penerangan dan penjelasan berkaitan aspek kebersihan makanan.



## CABUTAN UNDI “UPTOWN” TASIK MPK



Aktiviti cabutan undi bagi Program Uptown Kluang telah diadakan di Bilik Seminar Dewan Tunku Ibrahim Ismail, Kluang. Seramai 70 orang pemohon telah hadir mendaftar bagi cabutan tersebut. Cabutan ini adalah bagi Program Uptown Tasik yang akan bermula pada 4 September 2015 bermula jam 5.00 petang sehingga jam 12.00 tengah malam. Penerangan berkaitan syarat-syarat dan peraturan juga disampaikan pada hari tersebut agar peniaga patuh kepada syarat-syarat yang dikenakan.



# GOTONG-ROYONG MEMBERSIHKAN TANAH PERKUBURAN KAMPUNG MELAYU

## BERSAMA ANGGOTA SUPRIMA MPK, YAYASAN PERBANDARAN KLUANG DAN MAHASISWA KLUANG



# PROGRAM MENGECHAT JAMBATAN, KERB DAN “HAND RAILING”

## BERSAMA BANK ISLAM, BANK SIMPANAN NASIONAL DAN BANK RAKYAT



# PERHIMPUNAN PAGI BULAN OGOS 2015



**Tuan Yang DiPertua bersama barisan Ketua Jabatan MPK sebelum berbasikal mengelilingi Bandar Kluang**



Perhimpunan bulanan, Bulan Ogos telah diadakan pada minggu pertama Bulan Ogos 2015. Perhimpunan ini merupakan perhimpunan yang pertama anggota kerja Majlis Perbandaran Kluang bersama-sama dengan Tuan Haji Ismail Bin Abu yang merupakan Tuan Yang DiPertua MPK yang baharu. Perhimpunan pagi dimulakan dengan aktiviti senam robik sebelum nyanyian lagu Bangsa Johor dan Negaraku. Pada perhimpunan ini juga Tuan YDP telah memberikan amanat kepada semua Ketua Jabatan dan anggota kerja MPK. Antara amanat yang diberikan ialah agar semua anggota kerja MPK lebih fokus dan bertanggung jawab agar dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk didalam kawasan Majlis Perbandaran Kluang terutamanya pembayar cukai. Ini adalah Bagi memastikan pembayar-pembayar cukai berpuashati terhadap bayaran yang diberikan kepada Majlis Perbandaran Kluang.

## SEKITAR PROGRAM GOTONG-ROYONG ZON MAJUPADU DAN ZON INTAN



Program Gotong-royong Taman Intan dan Sri Lalang telah diadakan pada bulan Julai dan Ogos 2015. Program ini adalah bertujuan bagi mengatasi masalah denggi dan kebersihan dikawasan tersebut. Kedua-dua program telah diketuai oleh Ahli Majlis Zon Intan iaitu Encik Kamarolzaman bin Shaari dan juga Ahli Majlis Zon Sri Lalang iaitu Cik Gan Lee Chew. Gotong-royong ini melibatkan kerjasama penduduk tempatan dan juga pihak Swasta iaitu Southern Waste Management (SWM) dan juga jabatan kerajaan yang lain iaitu Pejabat Kesihatan Daerah Kluang dan SWCorp.



## **PROGRAM 3K (KEBERSIHAN, KECERIAAN DAN KEINDAHAN)**



MENGECAT KERB JALAN DI JALAN MENGKIBOL



MENGECAT PONDOK BAS DI JALAN MERSING



MENGECAT PONDOK BAS DI SEKOLAH SSAJ BERSAMA GURU DAN PELAJAR



MENGECAT PEMBAHAGI JALAN DI JALAN BESAR



GOTONG ROYONG DI SEKOLAH SSAJ

Program 3K, Majlis Perbandaran Kluang yang telah dimulakan pada tahun 2011, diteruskan sehingga hari ini. Program ini yang merupakan gabungan 3 program utama yang dilaksanakan oleh MPK iaitu Program Kebersihan, Keceriaan dan Keindahan. Usaha murni ini juga adalah platform bagi menyebarkan informasi di kalangan masyarakat tentang keperluan dan kepentingan menjaga kebersihan di kawasan awam dan tempat tinggal.

# SEPINTAS LALU 2015



MAJLIS PELANCARAN YAYASAN PERBANDARAN KLUANG OLEH YAB MENTERI BESAR JOHOR



PASUKAN SUPRIMA MPK MEMBERI BANTUAN KHAS BENCANA BANJIR DI RAUB, PAHANG



PASUKAN FUTSAL MPK MENDAPAT NAIB JOHAN DI KEJOHANAN FUTSAL PIHK BERKUASA TEMPAT NEGERI JOHOR DI MUAR



PROGRAM KHIDMAT SOSIAL PASUKAN SUPRIMA DI RUMAH ORANG TUA HAJI MANAN



PASUKAN TARIK TALI MPK MENDAPAT TEMPAT KE-3 DI KEJOHANAN SUKAN SEMPENA HARI KEMAHKOTAAN DYMM SULTAN JOHOR DI DANGA BAY



MAJLIS PENTAUULIAHAN TAMAT LATIHAN ANGGOTA PENGUATKUASA MPK

# MAJLIS PERPISAHAN MANTAN YDP, TUAN HAJI ADIB AZHARI BIN DAUD'




Pada tanggal 15 julai 2015, Majlis Perbandaran Kluang telah kehilangan seorang ketua dan kemimpin yang berwibawa iaitu Tuan Haji Adib Azhari Bin Daud. Beliau yang merupakan Tuan Yang DiPertua MPK selama 2 tahun telah dinaikkan pangkat dan akan berkhidmat di Mersing selaku Pegawai Daerah.

Beliau seorang yang komited dan tegas telah berjaya membawa MPK memenangi beberapa gelaran diantaranya ialah Johan Konvensyen KIK Peringkat Negeri Johor Kategori Pengurusan pada Tahun 2013. Selain itu juga beberapa projek pembangunan yang telah dibuat seperti menaik taraf Laman Tasik yang kini menjadi tempat riadah utama masyarakat Kluang. Majlis diakhiri dengan Tuan Haji Adib Azhari meletakkan jari di perakam waktu pada jam 6.10 petang sambil disaksikan oleh Tuan Setiausaha, Ahli Majlis dan ketua-ketua jabatan MPK.



# Hapuskan Aedes la penyebab Denggi! la juga penyebab Chikungunya!

Kitaran hidup nyamuk Aedes mengambil masa hanya **seminggu**, bermula dari telur hingga menjadi nyamuk dewasa.



## Hentikan kitaran hidup nyamuk Aedes

